

25/08/1999

Guru tanya hal politik bapa ditegur

Shariffudin Mohamed

KUANTAN, Selasa - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kesal terhadap sikap guru yang tergamak bertanyakan kepada murid mengenai pendirian politik ibu bapa mereka.

Beliau berkata, tindakan disiplin perlu dikenakan ke atas guru terbabit jika perbuatan itu ada kaitan dengan disiplin.

"Guru berkenaan sepatutnya tidak berbuat demikian kerana ia bukan tugas dan tanggungjawab sebagai guru. Saya hairan kenapa sesetengah guru sekarang sanggup mengambil sikap tidak bertanggungjawab.

"Murid sekolah masih kecil dan tidak tahu mengenai politik. Oleh itu, kenapa mereka diganggu dengan perkara berkaitan politik. Itu bukan peranan guru," katanya kepada pemberita selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Hari Wanita Kebangsaan 1999 di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob, Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin dan Exco Kerajaan Negeri.

Beliau mengulas pendedahan seorang wakil Majlis Dialog Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) Kedah kelmarin, bahawa ada guru sekolah rendah bertanya kepada seorang murid mengenai pendirian ibunya dalam politik.

Semalam, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, mencabar guru yang ingin berpolitik supaya melepaskan jawatan dan turun gelanggang untuk menghadapi orang politik.

Abdullah berkata, tindakan mesti diambil terhadap guru yang melanggar disiplin.

Mengenai sasaran kerajaan menetapkan 30 peratus pembabitan wanita dalam penggubalan dasar negara, Abdullah berkata, usaha ke arah itu berjalan baik sekarang.

"Saya nampak penyertaan wanita semakin meningkat, terutama dalam mesyuarat yang ada hubung kait dengan penentuan dasar. Ini tentu sekali jauh berbeza berbanding dulu.

"Sekarang, kadang-kadang ada juga mesyuarat lebih ramai wanita daripada lelaki," katanya.

Beliau turut menolak dakwaan Pas kononnya lawatan Dr Mahathir ke China baru-baru ini bertujuan memancing undi kaum Cina dalam pilihan raya umum akan datang.

"Lawatan itu tidak ada kena-mengena dengan pilihan raya. Ia sudah diatur dan mana-mana Perdana Menteri pergi adalah kerjanya. Bukan untuk memancing undi Cina," katanya.

(END)